




UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

Panduan **KEWANGAN**

PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA, UTM



Membentuk Minda **Membina Kerjaya**

Senarai Kandungan

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	YURAN PROGRAM	2
2.	KADAR YURAN PENGAJIAN PER KREDIT MENGIKUT JENIS KURSUS	3
3.	KADAR LAIN-LAIN YURAN PER KREDIT	4
4.	TEMPOH PEMBAYARAN	4
5.	KAEDAH PEMBAYARAN	5
6.	JENIS-JENIS DENDA	5
7.	TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN	6
8.	TANGGUH PENGAJIAN	6
9.	PELAJAR BERPENAJA / MENDAPAT PINJAMAN	6
10.	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)	7
11.	PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	7
12.	IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN YURAN	7
13.	INSURAN	8

1. YURAN PROGRAM

JADUAL 1.1 : Kadar Yuran Pelajar **BAHARU**

Jenis	Diploma (RM)			Sarjana Muda (RM)		
	Malaysia Barat		Malaysia Timur	Malaysia Barat		Malaysia Timur
	UTM	Luar UTM		UTM	Luar UTM	
Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu	230	230	230	230	230	230
Yuran Perkhidmatan	270	270	270	270	270	270
Yuran Penilaian (<i>per kursus</i>)	40	40	40	40	40	40
Yuran Pengajian (<i>Kadar dibayar untuk 3 kredit kursus sahaja, selebihnya akan ditambah setelah mendaftar kursus</i>)	480	630	780	540	690	780
Jumlah Keseluruhan	1,020	1,170	1,320	1,080	1,230	1,320

☞ Yuran Pendaftaran (Khas): **RM200** dikenakan bagi pendaftaran luar kampus UTM, manakala **RM150** bagi pendaftaran di Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

JADUAL 1.2 : Kadar Yuran Pelajar **KANAN**

Jenis	RM		
	Semester I	Semester II	Semester III
Yuran Perkhidmatan	270	270	130
Yuran Pengajian	= Bil. Kredit x Kadar yuran mengikut jenis kursus (Rujuk JADUAL 2)		
Yuran Penilaian	= Bil. Kursus x Kadar Yuran Penilaian (Rujuk JADUAL 3)		
Jumlah Keseluruhan	= Yuran Perkhidmatan + Yuran Pengajian + Yuran Penilaian		

☞ Yuran Perkhidmatan **RM270** akan dikenakan pada awal setiap semester lazim bagi pelajar berstatus Aktif, Tangguh, Tidak Aktif dan Tamat Kursus kecuali bagi pelajar berstatus Berhenti Pengajian dan Graduan.

2. KADAR YURAN PENGAJIAN PER KREDIT MENGIKUT JENIS KURSUS

JADUAL 2 : Kadar Yuran Pengajian Per Kredit Mengikut Jenis Kursus

Jenis	Diploma (RM)			Sarjana Muda (RM)		
	Malaysia Barat		Malaysia Timur	Malaysia Barat		Malaysia Timur
	UTM	Luar UTM		UTM	Luar UTM	
Kuliah sahaja (K)	160	210	260	180	230	260
Kuliah beserta Makmal (KM)	230	280	310	230	280	310
Makmal sahaja (M)	350	400	400	350	400	400
Studio (S)	450	500	500	450	500	500
Projek (P)	300	350	380	300	350	380
Latihan Industri (LI)	75	100	115	75	100	115
Laporan Latihan Industri (R)	150	210	230	150	210	230
Khemah Ukur / Kerja Lapangan (KU)	600	600	600	600	600	600
Kuliah beserta Amali (KA)	220	270	300	220	270	300
Kuliah Bahasa (KB)	200	250	280	200	250	280
Kuliah beserta Lawatan (KL)	250	300	330	250	300	330
Kuliah beserta Lapangan (KP)	300	350	380	300	350	380
Kuliah beserta Pembentangan (KR)	260	310	340	260	310	340
Kuliah beserta Studio (KS)	240	290	320	240	290	320
Lapangan Geologi (LG)	600	650	680	600	650	680
Rekabentuk Projek (RP)	400	450	480	400	450	480

Note: Kadar yuran bagi Pengecualian Kredit Latihan Industri kepada semua Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa akan dikenakan caj sebanyak RM200/kursus.

3. KADAR LAIN-LAIN YURAN PER KURSUS

Jadual 3 : Kadar Lain-Lain Yuran Per Kursus

Jenis	Diploma / Sarjana Muda (RM)		
	Malaysia Barat		Malaysia Timur
	UTM	Luar UTM	
Yuran Penilaian	40	40	40
Yuran Peperiksaan Khas	200	200	200
Yuran Rayuan Keputusan Gred	50	50	50

4. TEMPOH PEMBAYARAN

4.1 Semester I dan II adalah seperti berikut:

4.1.1 Pembayaran Pertama

- (a) Pelajar Baharu dikehendaki membuat pembayaran Jumlah Keseluruhan Yuran **SEBELUM** hari pendaftaran seperti di JADUAL 1.1 : Kadar Yuran Pelajar BAHARU;
- (b) Pelajar Kanan dikehendaki membuat pembayaran Yuran Perkhidmatan **SEBELUM** minggu pertama kuliah setiap semester seperti di JADUAL 1.2 : Kadar Yuran Pelajar KANAN.

4.1.2 Pembayaran Kedua

Pelajar dikehendaki melunaskan Jumlah Keseluruhan Yuran selepas tempoh pembayaran pertama sehingga minggu ke-9 pengkuliahahan.

4.1.3 Pembayaran Ketiga

Pelajar yang gagal melunaskan Jumlah Keseluruhan Yuran dalam Tempoh Pembayaran Kedua akan dikenakan denda '**Lewat Buat Bayaran**' sebanyak RM 5 sehari, maksimum 28 hari (RM140). Tempoh Pembayaran Ketiga bermula daripada minggu ke-10 perkuliahahan.

4.2 Semester Pendek adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Pelajar dikehendaki melunaskan Jumlah Keseluruhan Yuran **SEBELUM** minggu ke-5 perkuliahahan.

5. KAEDAH PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran secara Tunai

Boleh dilakukan di mana-mana cawangan CIMB dengan menggunakan **Slip Bank Khas** yang telah dicetak oleh pihak UTMSPACE;

5.2 Pembayaran secara Atas Talian (Online)

Pembayaran dibuat secara Pindahan Akaun atau Kad Kredit melalui laman web UTMSPACE <https://www.utmspace.edu.my/smp/login?returnUrl=/smp/>

5.3 Pembayaran secara Perbankan Internet / Kaunter Bank / Mesin Deposit Tunai (CDM)

Pembayaran boleh dibuat kepada:

Nama Akaun : UTMSPACE
Nama Bank : CIMB Bank Berhad
No. Akaun : 8601518228
SWIFT Code : CIBBMYKL

(Slip pembayaran perlu diemel kepada bkwjb@utmspace.edu.my. Sila sertakan **nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat emel** di slip pembayaran tersebut)

5.4 Pembayaran secara Kad Kredit atau Debit Kad

Boleh dilakukan di Bahagian Kewangan UTMSPACE, Aras 5, Blok T05, UTM Johor Bahru atau Bahagian Kewangan UTMSPACE, Aras 3 Blok H, UTM, Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur.

Waktu Operasi: Isnin – Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

6. JENIS-JENIS DENDA

JADUAL 4 : Kadar Denda

Bil	Jenis Denda	Kadar (RM)
1	Denda Lewat Daftar Kursus	25 / kursus
2	Denda Lewat Buat Bayaran	5 / hari (≤ 140)
3	Denda Lewat Mohon Anugerah	50
4	Denda Tidak Layak Mohon Anugerah	50
5	Denda Tidak Mengaktifkan Status Pengajian	50

7. TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN

JADUAL 5 : Tempoh Dan Peratus Yuran Dikenakan

Tempoh	Yuran Perkhidmatan	Yuran Pengajian	Yuran Penilaian
Hari Pendaftaran sehingga minggu ke-4 pengkuliahahan	100%	0	0
Minggu ke-5 sehingga minggu ke-9 pengkuliahahan	100%	50%	100%
Selepas minggu ke-9 pengkuliahahan	100%	100%	100%

- 7.1 Caj Yuran Pengajian dan Yuran Penilaian bagi pengajian yang dikenakan merujuk kepada tarikh permohonan untuk berhenti / tarik diri seperti JADUAL 5 : Tempoh dan peratus yuran dikenakan.
- 7.2 Baki yuran tertunggak perlu dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat kelulusan pemberhentian dikeluarkan;
- 7.3 Pemulangan lebihan yuran (sekiranya ada), dilakukan dalam tempoh satu bulan setelah penyelarasan keseluruhan yuran dilakukan.

8. TANGGUH PENGAJIAN

Pelajar yang menangguh pengajian pada Semester I atau II sesi xx/xx dikehendaki membayar Yuran Perkhidmatan (Rujuk Jadual 1.2)

9. PELAJAR BERPENAJA / MENDAPAT PINJAMAN

- 9.1 Pelajar yang mendapat tajaan perlu menghantar salinan surat tawaran kepada Pejabat UTMSPACE;
- 9.2 Pelajar yang telah tamat penajaan atau pinjaman perlu menjelaskan sendiri semua bayaran;
- 9.3 Pemulangan lebihan yuran pelajar hanya dibuat bagi pembayaran pelajar terdahulu sahaja dan mendapat kelulusan daripada pihak penaja.

10. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

- 10.1 Pelajar boleh membuat pengeluaran simpanan KWSP bagi membiayai yuran pengajian melalui pautan <https://secure.kwsp.gov.my/member/login>
- 10.2 Permohonan tersebut perlu dibuat sendiri oleh pelajar di mana-mana pejabat KWSP.
- 10.3 Pejabat UTMSPACE hanya membuat pengesahan di dalam sistem e-Pengeluaran KWSP sahaja.

11. PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

- 11.1 Pelajar boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN bagi membiayai yuran pengajian.
- 11.2 Pelajar perlu memohon sendiri secara atas talian di www.ptptn.gov.my
- 11.3 Pelajar perlu mengaktifkan akaun RHB Bank Berhad melalui pengaktifan Kad Siswa Pelajar.

12. IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN BAYARAN

Pelajar yang gagal menjelaskan semua bayaran di dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan berikut:-

- 12.1 Denda;
- 12.2 Tidak dibenarkan membuat pendaftaran;
- 12.3 Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan;
- 12.4 Ditahan keputusan peperiksaan;
- 12.5 Tidak dibenarkan menghadiri kuliah;
- 12.6 Ditahan transkrip dan sijil;
- 12.7 Tidak dibenarkan menghadiri Majlis Konvokesyen UTM.

13. INSURAN

- 13.1 UTMSPACE telah menyediakan 'INSURAN PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK' bagi kemudahan pelajar.
- 13.2 Jenis perlindungan dan kadar pampasan adalah tertakluk kepada perjanjian polisi insuran.
- 13.3 Borang tuntutan boleh didapati di pejabat UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur sahaja.
- 13.4 Perlindungan insurans hanya diberikan kepada pelajar berstatus Aktif, Tangguh, Tidak Aktif dan Tamat Kursus kecuali bagi pelajar berstatus Berhenti Pengajian dan Graduan.

Semua maklumat dalam buku panduan ini adalah pada masa ia dicetak dan UTMSPACE berhak membuat sebarang pindaan apabila dianggap perlu tanpa membuat pengumuman terlebih dahulu. (Tarikh Kuatkuasa : 9 Januari 2025)